



# buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



FEBRUARI  
2022

ISSN 1985 - 7624



9 771985 762005

# SIDANG REDAKSI SALAM

## PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

## KETUA PENGARANG

Puan Rohana binti Ismail

## PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli  
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

## SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

## GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat  
Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

## FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

## PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Terengganu

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,  
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,  
21572 Kuala Terengganu,  
Terengganu.

Tel : 09-622 1100

09-622 0052

Fax : 09-622 1534

E-mel : ppat@trglib.gov.my

URL : <https://www.trglib.gov.my>



[www.trglib.gov.my](http://www.trglib.gov.my)



PPATerengganu



[ppat@trglib.gov.my](mailto:ppat@trglib.gov.my)



PPAT TV

© 2022 Hak Cipta Terpelihara  
Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,  
ulangan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau  
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara  
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain  
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

**PPAT**  
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

# Selamat Bersara

8.7.1987 - 18.2.2022

**BUDI DIKENANG BAKTI DISANJUNG**

Berdayung Sampan Ke tanah Semenanjung  
Hendak Membeli Tikarlah Rotan  
Budi Dikenang Bakti Disanjung  
Kekal Subur Dalam Ingatan

**En. Zaidi bin Ismail**

PEMBANTU PUSTAKAWAN S22  
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN KOLEKSI

TERIMA KASIH

[www.trglib.gov.my](http://www.trglib.gov.my) [PPATerengganu](#) [ppat@trglib.gov.my](mailto:ppat@trglib.gov.my) [PPAT TV](#)

**PPAT**  
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

# Selamat Bersara

2.5.1984 - 23.2.2022

Bila Memandang Ke Muka Laut  
Nampak Sampan Mudik Ke Hulu  
Bila Terkenang Mulut Menyebut  
Budi Yang Baik Ingat Selalu

**En. Azmi bin Tengah @ Isa**

PEMBANTU OPERASI N14  
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN KOLEKSI

TERIMA KASIH

[www.trglib.gov.my](http://www.trglib.gov.my) [PPATerengganu](#) [ppat@trglib.gov.my](mailto:ppat@trglib.gov.my) [PPAT TV](#)



ANUGERAH  
**PEKERJA**  
**CEMERLANG**  
**BULAN**  
**FEBRUARI**  
**2022**

**TAHNIAH**  
Mat Gati Bin Mohd Din  
Pembantu Pustakawan S22  
Bahagian Pengurusan  
Dan Pembangunan Koleksi


www.trglib.gov.my    PPATerengganu  
ppat@trglib.gov.my    PPAT TV



ANUGERAH  
**PEKERJA**  
**CEMERLANG**  
**BULAN**  
**FEBRUARI**  
**2022**

**TAHNIAH**  
Zawiah Binti Mat Zin  
Pembantu Operasi N11  
Bahagian Rangkaian Perpustakaan  
(PD Nasi Dingin)

www.trglib.gov.my    PPATerengganu  
ppat@trglib.gov.my    PPAT TV



## Sinopsis

Tajuk	: Seni Kraf Pilihan Terengganu
Penulis	: Noraini A. Shariff
Penerbit	: Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM)
ISBN	: 9789834428617
Harga	: RM 195.00
Muka Surat	: 164
Tahun	: 2010

Buku ini memberi perhatian kepada empat jenis kraf warisan Terengganu iaitu seni ukiran kayu, perusahaan batik terap, seni menempa tembaga dan seni menempa besi dengan meneliti sejarah asal usul seni tersebut, perkembangannya, bahan-bahan yang digunakan serta proses pembuatannya di samping kegunaan produk yang dihasilkan.


Pada masa sama, Terengganu juga dikenali dengan pelbagai tradisinya, terutama dalam pembuatan barang kraf. Selama beratus-ratus tahun, negeri ini memang terkenal dengan kraf warisan. Kraf ini adalah sebahagian daripada kraf warisan Terengganu yang memang tersohor.

Walaupun barang kraf ini boleh juga didapati di negeri-negeri lain, kraf Terengganu mempunyai identitinya yang tersendiri. Ia diminati bukan sahaja oleh rakyat tempatan tetapi oleh pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara. Para tukang yang menghasilkan barang ini telah mewarisi seni pembuatannya daripada beberapa generasi tukang-tukang mahir. Kini, produk hasil buatan mereka diberi sentuhan baru mengikut cita rasa semasa tetapi masih tetap memelihara kecantikan seni yang asal.

Buku ini ialah satu usaha Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) untuk mendokumentasikan beberapa seni kraf Terengganu dengan tujuan mempromosikan kraf-kraf ini di kalangan masyarakat tempatan serta peminat-peminat setia mereka. Ia juga diharapkan supaya kraf ini dan hasil seninya akan terus dihargai bukan sahaja oleh angkatan lama tetapi juga oleh generasi anak-anak muda kini dan akan datang.

Bab akhir buku ini memberi perhatian khusus kepada peranan Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) dalam menyemarakkan perkembangan kraf warisan ini.

Catatan: Buku ini boleh didapati di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (Unit Koleksi Terengganu)



# T.ALIAS TAIB



Tengku Alias Taib dilahirkan pada 20 Februari 1943 dan berasal dari Kuala Terengganu

## KARYA YANG DIHASILKAN

- Opera
- Piramid
- Permatang Budi Bersama Rahman Shaari
- Petang Condong
- Di Sisi Pelita Minyak Tanah
- Kumpulan Puisi Pasar Pengalaman
- Kumpulan Pantun dan Renungan
- Laut Tak Biru Di Seberang Takir
- Pemburu Kota
- Seberkas Kunci

## ANUGERAH YANG DIPEROLEHI

- Hadiah karya sastera (1975 - 1976)
- Hadiah Sastera Malaysia (1986 - 1991)
- Hadiah Sastera Perdana Malaysia (1996 - 1999)
- Hadiah Sastera Utusan Melayu Public Bank (1987, 1990, 1991, 1993 & 1999)
- Dilantik Writer-In-Residence di Taipei, Taiwan dan mewakili Malaysia untuk Taipei 2001 International Poetry Festival Dan sebagainya



.....

“Pokok tidak berbuahkan ilmu  
sekalipun tumbuh ilmu  
kita terpaksa memetiknya”

- T. Alias Taib

.....

## TAKLIMAT U-PUSTAKA

Taklimat u-Pustaka kepada Pegawai dan kakitangan Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu telah diadakan pada 7 Februari 2022. Taklimat ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada perkhidmatan u-Pustaka yang disediakan oleh PPAT.

Sepanjang sesi tersebut, para peserta telah didedahkan kepada tatacara pendaftaran sebagai ahli kepada u-Pustaka dan kaedah menggunakan Pangkalan Data yang terdapat dalam Portal u-Pustaka. Seramai 3 orang wakil dari Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu telah mengikuti sesi yang dijalankan.



## LAWATAN U-PUSTAKA

Lawatan pemantauan Perkhidmatan u-Pustaka dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Lawatan pemantauan berkaitan Perkhidmatan u-Pustaka oleh pegawai-pegawai Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) iaitu Puan Kasuma Dewi binti Said (Timbalan Pengarah Kanan, BRSP), En. Yazid bin Ibrahim (Penolong Pengarah Kanan, BRSP) dan En Azharizal bin Abu Bakar (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, BTM) telah diadakan pada 15 Februari 2022. Terima kasih diatas kunjungan dan perkongsian maklumat.

## PERTANDINGAN JEJAK MAKLUMAT SECARA MAYA

Pertandingan Jejak Maklumat Secara Maya sempena Bulan Bahasa Kebangsaan telah dianjurkan bermula 1 Oktober 2021 hingga 15 November 2021 awalnya telah dilanjutkan ke tarikh baharu iaitu 25 Disember 2021. Satu majlis penyampaian hadiah telah diadakan kepada pemenang yang berjaya pada 17 February 2022. Seramai 26 peserta telah menyertai pertandingan yang dianjurkan.

Setiap peserta perlu menyelesaikan 7 tugas yang telah ditetapkan. Setiap tugas yang diberikan adalah berkaitan perkhidmatan perpustakaan dan kaedah pencarian maklumat di perpustakaan. Pertandingan yang diadakan ini adalah bersesuaian dengan objektif program untuk memperkenalkan perkhidmatan disamping melatih kemahiran mendapatkan bahan melalui pangkalan data yang terdapat di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

The poster features a colorful, abstract background with a globe and the Malaysian flag. The title 'Pertandingan JEJAK MAKLUMAT sempena BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2021' is prominently displayed in the center. Logos for PPATB, Terengganu, and the National Library are at the top right. Below the title, it says 'TEMPAT PERTAMA RM500 X 1 ORANG', 'TEMPAT KEDUA RM300 X 1 ORANG', 'TEMPAT KETIGA RM150 X 1 ORANG', and 'SAGUHATI RM30 X 20 ORANG'. A section titled 'SYARAT-SYARAT PENYERTAAN-' lists rules 1 through 7. At the bottom, there's contact information for various libraries and a note about the panel jury's decision being final. The footer includes links to the library's website and social media pages.





## PROGRAM PERPAT 2022 kejohanan Bolasepak 11 Sebelah

Pada 24 – 26 Februari 2022, Kelab Sukan PPAT (PERPAT) telah menyertai kejohanan Bolasepak 11 Sebelah yang dianjurkan oleh Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan (MAKSAK) Negeri Terengganu 2022. Kejohanan ini telah dikelolakan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (KESUMBA). Kejohanan ini telah berlangsung di Padang Bola Lagun Chendering, Kuala Terengganu.

Kakitangan yang terlibat dalam kejohanan Bolasepak 11 Sebelah:

Faizurudin bin Mat Nor @ Idris, Che Wan Johaizal bin Che Wan Embong, Ahmad Shahrir bin Aziz, Hamidi bin Ramli, Mohd Hamzi bin Zainal, Mazli bin Che Mamat, Mohd Zulhilmi bin Mokhtar, Rosli bin Mohd Noor, Mohd Fakhrurazi bin Ngah, Mohamad Ariff Hakimi bin Zakaria dan Muhammad Hafizin bin Zakaria

Program Kembara  
Jubli Emas Yayasan  
Terengganu 2022

26 Februari 2022 - Kelab Sukan PPAT (PERPAT) telah turut sama terlibat dalam Program Kembara Jubli Emas sempena Sambutan 50 Tahun Yayasan Terengganu yang dianjurkan oleh Pejabat Yayasan Terengganu. Program yang melibatkan agensi kerajaan dan swasta ini telah berjaya mengumpul sebanyak 60 buah kenderaan dan seramai 240 orang peserta. Program ini disempurnakan pada jam 8.00 pagi di Perkarangan Bangunan Yayasan Terengganu oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham, Pengarah Yayasan Terengganu.



Gambar : Kelab Yayasan Terengganu





## PROGRAM VAKSINASI COVID-19 KEPADA KANAK-KANAK (PICKIDS)

### KUMPULAN KANAK-KANAK YANG MENJADI KEUTAMAAN UNTUK MENERIMA VAKSIN COVID-19

#### Siapakah yang layak?

- Kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun disarankan untuk menerima vaksin COVID-19.
- Keutamaan diberikan kepada kanak-kanak yang mempunyai komorbid dan berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk.

#### Siapakah yang TIDAK layak?

Sejarah reaksi alahan teruk atau sejarah anafilaksis terhadap:

- Ubat, makanan, atau bahan yang tidak diketahui.
- Sebarang reaksi alahan dalam masa 72 jam terhadap dos vaksin pertama atau mana-mana kandungan vaksin COVID-19.



Tarikh Kemaskini: 19 Januari 2022

LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.

Agenda Nasional  
Malaysia Sihat



PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI  
COVID-19 (CITF)

## PROGRAM VAKSINASI COVID-19 KEPADA KANAK-KANAK (PICKIDS)

### MENGAPA KANAK-KANAK 5 HINGGA BAWAH 12 TAHUN PERLU DIBERI SUNTIKAN VAKSIN COVID-19?

- 1 Melindungi kanak-kanak daripada Multisystem Inflammatory Syndrome in children (MIS-C), Long COVID-19 yang disebabkan jangkitan COVID-19
- 2 Membolehkan kanak-kanak bersosial dengan selamat di luar rumah dan tempat mereka belajar
- 3 Mengurangkan risiko penularan jangkitan kepada kanak-kanak yang tidak layak menerima vaksin

#### JENIS VAKSIN

Pada masa ini hanya vaksin Comirnaty (Pfizer) telah diluluskan oleh NPRA untuk kanak-kanak 5 hingga bawah 12 tahun



Tarikh Kemaskini: 20 Januari 2022

PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI  
COVID-19 (CITF)

LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.

Agenda Nasional  
Malaysia Sihat



## PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEPADA KANAK-KANAK (PICKIDS)

### JANGKITAN COVID-19 DALAM KALANGAN KANAK-KANAK

1 Semenjak 23 Ogos 2021 – 3 Februari 2022\*, 10.1% atau 147282 kes COVID-19 adalah dalam kalangan kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun

2 Semenjak Jun 2020 – Disember 2021, seramai 174 orang kanak-kanak bawah 18 tahun mengalami Multisystem Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C) akibat jangkitan COVID-19

3 Pesakit kanak-kanak MIS-C kebanyakannya memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU)

4 Sebanyak 26 kes berakhir dengan kematian



Sumber: \*COVIDNOW & MIS-C Malaysia Study Group

Tarikh Kemaskini: 4 Februari 2022

LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.

Agenda Nasional  
Malaysia Sihat



PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI  
COVID-19 (CITF)



## TEMUJANJI PICKIDS

1 Sistem tempahan janji temu melalui MySejahtera untuk pemberian vaksin kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 tahun akan mula dibuka pada penghujung Januari 2022.

2 Sebagai permulaan, ibu bapa boleh mula mendaftarkan anak sebagai tanggungan dalam aplikasi MySejahtera mereka.

3 Tempahan janji temu vaksinasi akan dibuka secara berperingkat bermula 31 Januari 2022 dan dibuka kepada ibu bapa yang tinggal di Lembah Klang terlebih dahulu.



Tarikh di kemaskini: 21 Januari 2022

LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.

Agenda Nasional  
Malaysia Sihat



PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI  
COVID-19 (CITF)



# PICKids CORONAVAC



JKJAV

Page · 248,799 followers

## PROGRAM VAKSINASI COVID-19 KEPADA KANAK-KANAK (PICKids)

### APA YANG PERLU DIKETAHUI MENGENAI VAKSIN COVID-19 JENIS COMIRNATY BAGI KANAK-KANAK

- Vaksin ini tidak mengandungi virus.
- Vaksin Pfizer kanak-kanak adalah jenis mRNA di mana bahan utama adalah mRNA, lipid, sukrosa dan normal saline.
- Mengandungi 10 microgram bagi setiap dos iaitu Cuma 1/3 daripada dos diberikan kepada individu berumur 12 tahun ke atas.
- Isipadu suntikan ialah 0.2ml yang diberikan dalam 2 dos (penutup oren) dengan jarak 8 minggu, bagi kanak-kanak berumur 5 hingga <12 tahun.
- Keizinan ibu bapa atau penjaga diperlukan untuk kanak-kanak mendapat vaksin.



You and 2.5K others

2.3K Comments 1.8K Shares



Like



Comment



Share



### Aziah binti arifin



PICKids adalah satu langkah yang sangat baik bagi melindungi kanak-kanak daripada terdedah kepada kesan COVID-19 yang lebih serius. Ibu bapa juga tidak merasakan terlalu risau untuk menghantar anak-anak ke sekolah dan terlibat dengan aktiviti luar.

Like

Reply

1w



### Kamarulzaman bin mahmood



Program vaksinasi COVID-19 kepada kanak-kanak (PICKids) adalah sangat baik untuk memberikan perlindungan awal kepada kanak-kanak terhadap corona virus dan varian-varianya.

Like

Reply

1w



### Mohd abd wofi bin ahmad



Program ini sewajarnya mendapat kerjasama secara positif daripada semua lapisan masyarakat khususnya golongan ibu bapa bagi memastikan tubuh anak-anak mampu menghasilkan sel dan antibody bagi melindungi diri mereka daripada ancaman virus.

Like

Reply

1w



The screenshot shows the official website of u-Pustaka ([u-library.gov.my/portal/ms/home](http://u-library.gov.my/portal/ms/home)). The header features the Malaysian coat of arms and the text "PORTAL u-PUSTAKA | Portal Rasmi u-Pustaka". It includes a search bar, a "Carian" button, and links for "Bahasa Melayu", "Carian", and "Peta Laman". Below the header is a navigation menu with links to "Utama", "Profil", "Bilik Berita", "Kiub Info", "Panduan & Polisi", "Perkhidmatan", "E-Sumber", "Carian", and "Peta Laman". A large banner on the right side promotes "AKSES PANGKALAN DATA PERCUMA MELALUI u-PUSTAKA" and directs users to [www.u-pustaka.gov.my](http://www.u-pustaka.gov.my). The banner also features a woman pointing upwards and logos for various digital resources like ODIGO, emerald PUBLISHING, SAGE knowledge, iBOND, TUTORINNITI, J-Gate, press reader, libby, eLaw.my, iGPublishing, EBSCOhost, MASON CREST, CODEMONKEY, and ACE LEARN. Below the banner is a green "PENGUMUMAN" (Announcement) section. The bottom of the page shows a Windows taskbar with icons for Start, File Explorer, Mail, Internet Explorer, Adobe Creative Suite, and system status (26°C, Mostly sunny, ENG, 20/4/2022).

## u-Pustaka

Perkhidmatan u-Pustaka merupakan Inisiatif yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2008). Perkhidmatan Perpustakaan Digital u-Pustaka dibuka kepada awam mulai 31 Mac 2011 dengan 8 perpustakaan rintis iaitu Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan INTAN, Perpustakaan Kuala Lumpur, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Pustaka Negeri Sarawak, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Perpustakaan Negeri Sabah.

Mulai 2019, 4 ahli perpustakaan baharu telah menyertai konsortium iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

U-Pustaka menyediakan akses ilmu pengetahuan kepada seluruh masyarakat secara percuma iaitu pinjaman 1.2 juta buku (fizikal) daripada 12 Perpustakaan Konsortium dan bahan digital sebanyak 52.9 juta bahan.

# BANJIR

Pada penghujung Februari 2022, bencana banjir telah melanda di sesetengah kawasan di Negeri Terengganu. Perpustakaan Desa Kuala Menjing di Daerah Hulu Terengganu dan Perpustakaan Desa Kuala Jengal di Daerah Dungun antara perpustakaan yang paling terkesan dengan bencana banjir yang melanda.

## Perpustakaan

Bencana yang melanda ini telah mengakibatkan banyak kerosakan infrastruktur di kampung-kampung di daerah tersebut. Pelbagai bantuan diterima daripada orang perseorangan dan juga agensi-agensi kerajaan dan juga swasta. Program pembersihan kawasan sekitar telah memakan masa hampir 2 minggu bagi mengasingkan barang-barang yang telah rosak. Gangguan bekalan air yang telah menjadi cabaran utama semasa aktiviti pembersihan di sesetengah kawasan.

Hampir keseluruhan bangunan perpustakaan telah mengalami kerosakan dan keadaan ini telah menjelaskan perkhidmatan perpustakaan kepada penduduk setempat. Buku-buku dan perabot merupakan aset utama yang mengalami kerosakan dalam kejadian banjir kali ini.

**HULU TERENGGANU****DUNGUN**

.....

“Kembara yang jauh ialah  
kembara ke dalam diri  
bukan kembara di luar diri”

- T. Alias Taib

.....

**buletin**  
**salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

[www.trglib.gov.my](http://www.trglib.gov.my)

PERBADANAN PERPUSTAKAAN  
AWAM TERENGGANU

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,  
21572 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman

© 2022 Hak Cipta Terpelihara

